

HUBUNGI SKUAD SENTRAL:
ASWANY OMAR- 019-9882695

Pencapaian memberangsangkan

Empower ECER Mahkota bantu sekolah luar bandar lonjak prestasi akademik pelajar

■ NURUL ZAILA MOHD YAHIR

KUANTAN - Program Empower Wilayah ekonomi Pantai Timur (ECER) Mahkota atau (Empower ECER Mahkota) berjaya mencatat pencapaian memuaskan apabila seramai 107 pelajar memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan penting yang diadu.

Empower Ecer Mahkota yang dilaksanakan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah ekonomi Pantai Timur (ECERDC) berkenan melibatkan 13 sekolah luar bandar yang dibentuk bagi melonjakkan prestasi akademik.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, secara keseluruhan pencapaian adalah sangat memuaskan dan usaha dijalankan berhasil.

"Secara keseluruhan kita berpuas hati dengan pencapaian cemerlang di catat menerusi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

"Sebagai contoh, Sekolah Kebangsaan (SK) Runchang berjaya

melahirkkan lima pelajar memperoleh 5A yang sebelum ini tidak pernah berlaku.

"Kita percaya, jika ada usaha bersatu dan komitmen semua pihak tiada perkara yang tidak boleh dicapai contohnya menerusi program Empower ECER Mahkota.

Pada awalnya program ini hanya bermula di Bentong, Cameron Highlands dan kemudiannya diperluaskan ke Temerloh, Raub, Lipis, Maran dan lokasi luar bandar yang berpotensi.

"Kita memang menyasarkan ia diperluas ke kawasan lain yang akan dikenal pasti dan bagi memastikan kecemerlangan konsisten pelajar, Yayasan Pahang turut memainkan peranan untuk memantau," katanya pada sidang media selepas menyampaikan sijil penghargaan kepada pelajar cemerlang di UMP, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Sementara itu, Ketua Eksekutif ECERDC, Datuk Jebasingam Insace John berkata, gabungan berkenaan amat membanggakan apabila peserta akademik Empower ECER



Adnan (lima kir) diriringi Daing Nasir (empat kir) dan Jebasingam (enam kir) bersama pelajar-pelajar yang menerima sijil penghargaan kecemerlangan.

Mahkota menunjukkan pencapaian memberangsangkan.

Menurutnya, seramai 66 peserta UPSR mendapat 5A, 29 peserta PMR mendapat 8A dan 12 peserta memperoleh 6A ke atas dalam keputusan peperiksaan SPM yang diumumkan baru-baru ini.

"Empower ECER Mahkota ber-

kembang meliputi 19 sekolah dan 2,309 pelajar di Daerah Pekan sebagai penerima manfaat bagi tahun 2014

serta dalam tempoh empat tahun perlaksanaan, ia memberi inisiatif kepada 5,389 pelajar di daerah berkenaan

"Secara amnya, Empower ECER mencatat rekod 100 peratus lulus dalam kalangan pelajar dan ia dikendali

kan di 17 lokasi termasuk sembilan di Pahang," katanya.

Sempena majlis itu, Adnan turut menyaksikan acara pertukaran dokumen perjanjian antara UMP dan ECERDC dalam menjayakan program Empower ECER Mahkota melibatkan latihan akademik serta program latihan kemahiran keusahawanan.